

TEKNIK MACRAME
SEBAGAI SUATU KAEDAH PEMBAHARUAN
DI DALAM FIBER PADA MASA KINI

RAHAYU BT KARIM
92071672

JABATAN SENIREKA TEKSTIL
DIPLOMA SENILUKIS DAN SENIREKA
INSTITUT TEKNOLOGI MARA
SHAH ALAM SELANGOR D.E.
SESSI 1996

PENGHARGAAN

ASSALAMUALAIKUM

Bersyukur kepada Illahi, dengan limpahnya dapatlah tesis ini disiapkan. Setinggi ucapan terima kasih penghargaan dan terima kasih kepada Encik Sulaiman Abdul Ghani selaku penasihat yang telah memberi tunjuk ajar dan pandangan kepada saya disamping proses penulisan tesis ini. Ucapan terima kasih kepada Ketua Kursus Puan Zaleha Zainuddin. Tidak lupa juga terima kasih kepada Pensyarah - Pensyarah Jabatan Seni Reka Tekstil iaitu Puan Zaliha Shaari, Puan Zaharah Osman, Puan Basitah Taib, Puan Norwani Nawawi, Encik Razak Dan Encik Makmor (juruteknik) kerana memberi tunjuk ajar dan sokongan pada peringkat awal sehingga penulisan ini selesai.

Penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada keluarga tersayang terutama kedua ibibapa, adik - beradik dan saudara mara yang banyak membantu dari aspek sokongan moral dan kewangan.

Rakaman terima kasih juga kepada kakitangan Perpustakaan Tun Abdul Razak 1, ITM, Shah Alam, Perpustakaan Raja Tun Uda Shah Alam dan Perpustakaan Pusat Islam Kuala Lumpur yang banyak membantu semasa menjalankan kerja - kerja penyelidikan.

SINOPSIS

Teknik macrame menarik jika dihasilkan didalam seni fiber. Ia merupakan salah satu teknik dalam menghasilkan reka bentuk dan motif pada hasil karya. Penggunaan teknik macrame adalah bebas dan tidak statik.

Macrame diketahui wujud di negara Arab pada awal abad ke 13 masihi. Kemudian penggunaannya terus menular dengan cepat ke Sepanyol dan Itali pada abad ke 14 dan ke 15 masihi.

Didalam bab kedua, kita dapat mengetahui mengenai teknik - teknik macrame samada yang pernah didengar atau tidak mengenalinya langsung. Terdapat dua asas yang utama didalam macrame iaitu "**Square Knot**" dan "**Double Half Hitch Knot**". Dengan adanya teknik tersebut penulis dapat menghasilkan pelbagai reka corak dan motif yang menarik pada hasil karya. Didalam bab ini juga diberi penerangan mengenai fungsi macrame sebagai bentuk kegunaan dan reka bentuk estetik.

Bagi menghasilkan teknik macrame agak mudah tetapi untuk melahirkan kesan yang berkualiti dan terbaik memerlukan usaha yang gigih. Penghasilan yang menarik perlu menggunakan serat benang yang berkualiti dan ia terlalu mahal. Ia melibatkan kos penggunaan benang yang banyak dan memerlukan masa yang panjang bagi menyiapkan satu - satu hasil seni.

Didalam bab keempat, penulis melakukan satu eksplorasi terhadap projek macrame. Di sini penulis cuba merekakan penggunaan benang yang murah bagi mengurangkan kos serta hasil yang dihasilkan memuaskan. Dalam bab ini penulis menerangkan proses membuat macrame dengan menggunakan benang asli dan benang sentetik sebagai satu eksperimentasi. Teknik macrame yang dihasilkan adalah melalui ikatan dan simpulan. Bagi menghasilkan teknik macrame yang lebih menarik, penggunaan warna juga diutamakan. Di sini juga menerangkan tentang penggunaan warna terhadap benang yang sesuai dengan teknik macrame.

Penjelasan diberikan berkaitan dengan permasalahan berhubung dengan teknik macrame. Didalam bab kelima juga disertakan cadangan - cadangan yang perlu dibuat dan diatasi. Penulis membuat hipotesis terhadap penyelidikan dan kajian yang telah dilakukan.

Rumusan daripada andaian - andaian dibuat pada peringkat awal penulisan tesis ini. Macrame sememangnya mempunyai nilai komersial yang tinggi. Ia sesuai digunakan dalam pelbagai kegunaan samada perhiasan, mobile, arca dan sebagainya.

JADUAL ISI KANDUNGAN

HALAMAN PEMERIKSA

PENGHARGAAN

SINOPSIS

Tujuan

Metadologi

Keputusan

Penutup

BAB 1

- 1.0 SEJARAH PERKEMBANGAN MACRAME
- 1.1 Pengenalan macrame
- 1.2 Persekitaran masyarakat Badwi
- 1.3 Sejarah perkembangan macrame di Semenanjung Arab
- 1.4 Sejarah perkembangan macrame di barat

BAB 2

- 2.0 PENYELIDIKAN MENGENAI FUNGSI MACRAME
- 2.1 Fungsi macrame didalam barang perhiasan orang Badwi.
 - 2.1.1 Kegunaan harian
 - 2.1.2 Barang perhiasan diri
 - 2.1.3 Dekoratif
- 2.2 Fungsi barangan macrame pada masa kini
 - 2.2.1 Cenderamata
 - 2.2.2 Perhiasan rumah